



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEBERKESANAN STRATEGI KOGNITIF TERHADAP  
PENCAPAIAN KOSA KATA BAHASA MELAYU  
PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU**

**ZUBIDAH BTE A.MAJID**

**FPP 2002 26**

**KEBERKESANAN STRATEGI KOGNITIF TERHADAP  
PENCAPAIAN KOSA KATA BAHASA MELAYU  
PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU**

**ZUBIDAH BTE A.MAJID**

**MASTER SAINS**

**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2002**



**KEBERKESANAN STRATEGI KOGNITIF TERHADAP  
PENCAPAIAN KOSA KATA BAHASA MELAYU  
PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU**

**Oleh**

**ZUBIDAH BTE A.MAJID**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

**Oktober 2002**



***Istimewa buat insan-insan tersayang yang memahami erti  
pengorbanan dan perjuangan:  
suamiku Zainal Arifin  
serta anak-anak Muhammad Nazuan Syafiq, Muhammad Aiman Hakim  
dan Muhammd Ilman Fahmi.***



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KEBERKESANAN STRATEGI KOGNITIF TERHADAP PENCAPAIAN  
KOSA KATA BAHASA MELAYU PELAJAR-PELAJAR BUKAN MELAYU**

Oleh

**ZUBIDAH BTE A.MAJID**

**Oktober 2002**

**Pengerusi : Profesor Madya Dr.Sidek Mohd Noah**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan penggunaan strategi kognitif terhadap pencapaian kosa kata Bahasa Melayu di kalangan pelajar bukan Melayu, dan melihat keberkesanan penggunaan strategi kognitif terhadap pencapaian kosa kata Bahasa Melayu di kalangan pelajar bukan Melayu dari segi jantina. Pencapaian kosa kata diukur berdasarkan markat ujian kosa kata.

Kajian dijalankan secara eksperimental menggunakan reka bentuk kumpulan kawalan tidak serupa. Sampel kajian terdiri daripada 56 orang pelajar daripada dua kelas tingkatan empat di Sek. Men. Keb. Seri Kembangan yang dibahagikan kepada kumpulan strategi dan kumpulan tradisional. Pelajar dalam kumpulan strategi

dilatih menggunakan strategi kognitif manakala kumpulan tradisional tidak diberikan sebarang strategi Mereka diberikan teks petikan yang mengandungi kosa kata yang sama Kajian dijalankan selama lima minggu Kedua-dua kumpulan ditadbirkan praujian dan pascaujian bagi membandingkan pencapaian pelajar dalam kedua-dua kumpulan

Analisis ujian-t yang digunakan untuk melihat perbezaan pencapaian kosa kata Bahasa Melayu mendapati kumpulan strategi menunjukkan perbezaan pencapaian yang signifikan dibandingkan dengan kumpulan tradisional Ujian-t juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan pencapaian antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam kumpulan strategi

Dapatan kajian mendapati, (1) pelajar-pelajar yang menggunakan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata memperoleh min pencapaian kosa kata yang lebih tinggi dalam pascaujian, dan (2) penggunaan strategi kognitif dalam pembelajaran kosa kata Bahasa Melayu adalah lebih berkesan berbanding dengan penggunaan kaedah pembelajaran tradisional bagi pelajar-pelajar bukan Melayu.

Abstract of thesis submitted to the senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirements for the Degree of Masters of Science

**THE EFFECTIVENESS OF THE COGNITIVE STRATEGY USE ON THE LEARNING ACQUISITION OF MALAY LANGUAGE VOCABULARY AMONG NON-MALAY STUDENTS**

**By**

**ZUBIDAH BTE A.MAJID**

**October 2002**

**Chairperson : Profesor Madya Dr.Sidek Mohd.Noah**

**Faculty : Educational Studies**

The aim of the study is to explore the effectiveness of cognitive strategy usage on the achievement on the Malay Language vocabulary among non-Malay students, and to find out the differences of the effectiveness of cognitive strategy usage on the achievement on the Malay Language vocabulary among the non-Malay students. Vocabulary achievement was measured based on marks of the vocabulary test given.

The study was carried out using the nonequivalent groups control design. The study sample were 56 students from two form four classes in Sek. Men. Keb. Seri Kembangan which were divided into a strategy group and a traditional group. The students in the strategy group were given instruction on cognitive strategy. Students



in the traditional group were left to their own learning devices. Both groups were provided with a similar text which contained a similar vocabulary. They were administered the pre-test and the post-test to compare their vocabulary achievement.

Analysis of t-test scores indicated that the strategy group showed a significant difference in achievement as compared to the traditional group. The t-test also showed there is no significant difference of achievement between the male and female students in the strategy group.

From the findings, it was demonstrated that (1) the students who used the cognitive strategy in vocabulary learning gained higher mean score in the post-test, and (2) the cognitive strategy usage in Malay Language vocabulary learning was more effective than the traditional learning method for the non-Malay students.





## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S W T kerana dengan izin-Nya dapat penyelidik menyiapkan tesis dalam jangka masa yang dirancang.

Dengan tulus ikhlas penyelidik mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Profesor Madya Dr Sidek bin Mohd Noah atas sumbangan idea, tunjuk ajar ilmiah, saranan, dan teguran membina sejak dari awal tesis ini dirancang hingga selesai

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga dirakamkan kepada Dr Arshad bin Abd.Samad dan Puan Fadzilah bte Abd.Rahman, selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang banyak membantu sepanjang proses penulisan ini. Sumbangan idea, saranan, bimbingan, dan sokongan moral yang diberikan amat membantu penyelidik dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih ini juga dirakamkan kepada Encik Abd Rasid bin Jamian dan Encik Yahya bin Othman yang telah menjadi Ahli Jawatankuasa Penyeliaan pada peringkat awal. Idea, bimbingan, dan bantuan yang diberikan telah membantu penyelidik dalam proses menyediakan proposal tesis ini

Kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberikan pembiayaan pengajian di universiti kepada penyelidik, Bahagian



Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pengetua SMK Seri Kembangan, Puan Nor Afiza selaku Ketua Panitia Bahasa Melayu, guru-guru Bahasa Melayu dan para pelajar Tingkatan Empat di SMK Seri Kembangan, serta individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyelidikan ini, diucapkan setinggi-tinggi terima kasih.

Teristimewa, penghargaan dan ucapan terima kasih buat suami, Zainal Arifin bin Yusof atas sokongan dan pengorbanan yang diberikan sepanjang masa menyiapkan tesis ini. Terima kasih kepada anak-anak, Nazuan, Hakim dan Ilman yang sentiasa memahami dan memberikan sokongan moral serta kasih sayang. Kepada abah dan emak, terima kasih atas sokongan serta iringan doa. Tidak lupa ucapan terima kasih kepada kakak Zuraidah serta adik-adik atas kerjasama, sokongan dan bantuan yang diberikan.

Hanya Allah yang dapat membalas segala jasa dan budi baik pihak yang terlibat dalam kajian ini. Kepada-Nya penyelidik berserah dan mohon restu semoga segala usaha diberkati dan memperoleh kejayaan.



## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>DEDIKASI</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	v
<b>PENGHARGAAN</b>	vii
<b>PENGESAHAN</b>	ix
<b>PENGAKUAN</b>	xi
<b>JADUAL KANDUNGAN</b>	xii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii

### **BAB**

#### **SATU PENGENALAN**

Latar Belakang Kajian	1
Strategi Pembelajaran Bahasa	5
Pembelajaran Kosa Kata	8
Pernyataan Masalah	10
Objektif Kajian	13
Hipotesis Kajian	14
Kepentingan Kajian	14
Batasan Kajian	16
Definisi Pemboleh Ubah	17

#### **DUA SOROTAN LITERATUR**

Pendahuluan	23
Teori Pembelajaran Berkaitan Strategi Kognitif	23
Kajian Berkaitan Strategi Kognitif	34
Keberkesanan Strategi Kognitif dalam Pembelajaran Bahasa	39
Keberkesanan Strategi Kognitif Berdasarkan Jantina	51
Kesimpulan	53



## **TIGA    METODOLOGI KAJIAN**

Pendahuluan .....	55
Kerangka Konseptual .....	55
Reka Bentuk Kajian .....	57
Kesahan Dalaman .....	58
Kesan Kematangan .....	59
Kesan Peristiwa .....	60
Kesan Instrumen .....	61
Perbezaan Regresi Secara Statistik .....	61
Kesahan Luaran .....	63
Kesan <i>Hawthorne</i> .....	64
Kebolehpercayaan .....	65
Alat Kajian .....	66
Tempat Kajian .....	67
Populasi Kajian .....	68
Sampel Kajian .....	69
Tatacara Kajian .....	71
Latihan Strategi Kognitif .....	72
Kaedah Pembelajaran Tradisional .....	76
Ujian Rintis .....	78
Penganalisan Data Statistik .....	79

## **EMPAT   DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pengenalan .....	81
Profil Subjek .....	82
Analisis Deskriptif Skor Ujian .....	83
Analisis Inferensi .....	86
Pencapaian Pelajar Berdasarkan Kumpulan .....	87
Pencapaian Pelajar Berdasarkan Jantina .....	90
Kesimpulan .....	97

## **LIMA    RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN**

Pengenalan .....	99
Rumusan Kajian .....	99
Implikasi Kajian .....	112
Implikasi Teoritikal .....	113
Implikasi Praktikal .....	115
Cadangan Kajian Lanjutan .....	118

<b>BIBLIOGRAFI</b>	122
<b>LAMPIRAN</b>	
A Petikan dan Latihan	127
B Praujian dan Pascaujian	143
C Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia	153
D Surat Memohon Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	155
E Surat Kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor	156
<b>BIODATA</b>	157



## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Reka Bentuk Kumpulan Kawalan Tidak Serupa .....	57
2	Taburan Subjek .....	70
3	Peringkat Kajian .....	71
4	Perancangan Pengajaran .....	77
5	Analisis Korelasi Pearson Praujian dan Pascaujian .....	78
6	Pemilihan Statistik .....	79
7	Kekerapan Jantina .....	82
8	Kekerapan Subjek dalam Kumpulan .....	82
9	Analisis Deskriptif Skor Praujian dan Pascaujian Berdasarkan Kumpulan .....	83
10	Analisis Deskriptif Skor Praujian dan Pascaujian Pelajar Lelaki .....	84
11	Analisis Deskriptif Skor Praujian dan Pascaujian Pelajar Perempuan .....	86
12	Ujian-t Praujian dan Pascaujian Kumpulan Tradisional .....	87
13	Ujian-t Praujian dan Pascaujian Kumpulan Strategi .....	88
14	Ujian-t Pascaujian Kumpulan Tradisional dan Kumpulan Strategi .....	89
15	Ujian-t Praujian dan Pascaujian Pelajar Lelaki Kumpulan Strategi .....	91
16	Ujian-t Praujian dan Pascaujian Pelajar Perempuan Kumpulan Strategi .....	92

Jadual		Halaman
17	Ujian-t Praujian dan Pascaujian Pelajar Lelaki dan Pelajar Perempuan Kumpulan Strategi .....	93
18	Ujian-t Pascaujian Pelajar Lelaki Kumpulan Tradisional dan Kumpulan Strategi .....	94
19	Ujian-t Pascaujian Pelajar Perempuan Kumpulan Tradisional dan Kumpulan Strategi .....	96



## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1	Model Teori Pembelajaran Gagne	27
2	Model Pemerolehan Bahasa Kedua Ellis	31
3	Model Pemerolehan Bahasa Kedua Bialystok	33
4	Kerangka Konseptual	56



## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

#### **Latar Belakang Kajian**

Pengurusan dan persediaan yang terancang dari segi strategi pembelajaran pelajar yang sistematis dan berkesan merupakan satu elemen penting yang perlu diperhatikan untuk mempertingkatkan pencapaian akademik pelajar dalam satu-satu pelajaran yang dipelajari khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

Kejayaan dan kecemerlangan pelajar dalam mata pelajaran bukanlah semata-mata bergantung kepada proses pengajaran di bilik-bilik darjah sahaja. Kecemerlangan juga sepatutnya dikaitkan dengan strategi pembelajaran yang digunakan pelajar dalam proses pembelajaran. Penggunaan strategi pembelajaran bahasa yang sesuai dan berkesan dapat membantu pelajar memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam peperiksaan (Zamri Mahamod dan Mohd Amin Embi, 2000)

Pencapaian yang kurang memuaskan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu menggambarkan pelajar belum menguasai kemahiran-kemahiran dalam bahasa Melayu walaupun mereka telah mempelajari dan menggunakan bahasa Melayu

sebagai bahasa pengantar di sekolah selama beberapa tahun. Salah satu faktor yang menyumbang kepada kemerosotan pencapaian akademik pelajar adalah amalan teknik belajar yang lemah. Pelajar yang kurang berjaya didapati mengamalkan cara belajar yang kurang berkesan atau tidak mengetahui teknik belajar yang baik walaupun banyak menghabiskan masa dan tenaga dalam pembelajaran.

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Muhammad Hussin, Noriah M Ishak dan Ab Razak Ahmad (2000) jelas menunjukkan bahawa pelajar luar bandar berada dalam keadaan kritikal kerana tidak mengamalkan strategi pembelajaran yang berkesan. Pelajar tidak diajar atau diberi pendedahan tentang strategi pembelajaran. Pelajar tidak mempunyai strategi pembelajaran yang khusus kerana tidak berpeluang mendapat pendedahan terhadap strategi pembelajaran tersebut.

Penyelesaian yang terbaik yang mungkin boleh dilakukan untuk mengatasi masalah ini ialah mengajar pelajar cara untuk belajar atau lebih tepat lagi melatih pelajar menggunakan strategi pembelajaran (Joseph, 1998). Dengan cara ini, pelajar akan dapat memantau sendiri proses pembelajaran mereka sama ada di dalam kelas atau di luar kelas, serta dapat menggunakan pengetahuan bahasa yang diperoleh di dalam kelas dengan lebih berkesan. Tambahan pula, pelajar dapat menggunakan rangsangan luaran untuk membaiki kecekapan berbahasa berdasarkan kesesuaian masa dan tempo masing-masing.

Strategi pembelajaran atau kaedah belajar sendiri amat penting dalam proses pembelajaran. Melalui strategi pembelajaran bahasa yang berkesan pelajar dapat

menguasai bahasa dengan baik di dalam bilik darjah dan menyumbang kepada peningkatan pencapaian pelajar (Park, 1977) Strategi pembelajaran merupakan langkah-langkah yang diambil oleh pelajar untuk meningkatkan pembelajaran mereka Strategi sangat penting dalam pembelajaran bahasa kerana fungsinya sebagai alat penting untuk penglibatan sendiri secara aktif bagi mengembangkan keupayaan komunikatif (Oxford, 1990) Dalam pada itu, strategi ini juga dapat memperbaiki kemahiran berbahasa dan meningkatkan keyakinan diri

Strategi pembelajaran adalah berkaitan dengan strategi belajar, amalan belajar dan kemahiran belajar dalam domain psikologi kognitif Strategi pembelajaran berkait dengan proses pemerolehan, penyimpanan, mengingat kembali dan penggunaan maklumat bagi mempercepat proses pembelajaran Pelajar-pelajar yang berkesan selalunya dilihat sebagai pemproses maklumat, penterjemah, alat sintesizer yang aktif yang menggunakan pelbagai strategi untuk menyimpan dan mengumpulkan semula maklumat

Strategi pembelajaran atau kaedah belajar sendiri amat penting dalam proses pembelajaran Pelajar harus mempunyai strategi untuk memperoleh banyak pengetahuan dan memperoleh keputusan cemerlang dalam bidang akademik Sekiranya pelajar tidak berdikari dalam proses pembelajaran maka amat sukar bagi mereka untuk memperoleh pencapaian yang cemerlang

Penggunaan strategi dalam pembelajaran bahasa dapat meningkatkan pencapaian (O'Malley dan Chamot, 1990) Ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar yang

memiliki ciri-ciri seperti yang dinyatakan oleh Rubin dan Thompson (1982) akan memperoleh pencapaian yang baik dalam pembelajaran bahasa. Cara seseorang belajar bahasa tidak sahaja dipengaruhi oleh faktor bakat, motivasi, dan gaya kognitif tetapi juga berkait rapat dengan strategi pembelajaran yang digunakan (Skehan, 1989)

Menurut Wenden (1983), setiap pelajar perlu mempunyai amalan pembelajaran yang spesifik seperti menggunakan strategi kognitif, strategi metakognitif ataupun strategi afektif untuk berjaya. Kejayaan dan kecemerlangan juga berkaitan dengan diri pelajar sendiri khususnya strategi pembelajaran yang digunakan. Sehubungan dengan itu, pelajar harus mempunyai strategi untuk memperoleh banyak pengetahuan dan memperoleh keputusan cemerlang dalam bidang akademik.

Dalam konteks ini, sekolah harus memainkan peranan penting bukan sahaja menjadikan pelajar celik huruf bahkan juga berperanan menyediakan pengalaman cara untuk belajar. Pelajar seharusnya diajarkan dengan kemahiran belajar yang betul khususnya menggunakan strategi pembelajaran bahasa yang berkesan sama ada yang berbentuk strategi kognitif mahupun strategi metakognitif. Dalam kemahiran bacaan kefahaman pelajar harus diajarkan cara berfikir yang lebih tinggi untuk menggunakan petikan pemahaman dengan cara yang bermakna bukan setakat membaca secara kuat dan kemudian menjawab soalan pemahaman (Kern, 1989).

Oleh sebab strategi pembelajaran bahasa ini ada hubung kait dengan strategi pengajaran, guru bertanggungjawab untuk menyesuaikan pengajaran dengan

kepelbagaian cara pelajar belajar di dalam kelas bagi mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran iaitu pencapaian pelajar (Lessard-Clouston, 1997). Jadi, guru harus melatih pelajar menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai dan berkesan bagi mempertingkatkan kemahiran dan seterusnya meningkatkan prestasi mata pelajaran Bahasa Melayu

### **Strategi Pembelajaran Bahasa**

Oxford (1990) telah mengklasifikasikan strategi pembelajaran bahasa kepada dua jenis iaitu strategi pembelajaran bahasa secara langsung dan strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung. Strategi pembelajaran bahasa secara langsung ialah strategi ingatan, strategi kognitif dan strategi ganjaran. Strategi secara langsung ini mempunyai beberapa pembahagian.

Strategi pembelajaran bahasa secara tidak langsung pula ialah strategi metakognitif, strategi afektif, dan strategi sosial. Abu Talib Abdullah (1998) telah melahirkan satu lagi strategi yang dikenali sebagai strategi rohani. Hasil daripada kajian yang dibuat, didapati pelajar-pelajar Islam di Malaysia secara amnya, kerap menggunakan strategi rohani dalam proses pembelajaran mereka di samping menggunakan strategi-strategi yang lain.

O'Malley dan Chamot (1990) memberi tumpuan kepada strategi pembelajaran secara tidak langsung iaitu strategi metakognitif. Strategi metakognitif dapat dibezakan daripada strategi kognitif kerana ia melibatkan proses merancang, memantau dan

menilai pembelajaran sedangkan strategi kognitif hanya melibatkan tugas pembelajaran individu dan manipulasi bahan pembelajaran. Strategi pembelajaran bahasa juga boleh dikaitkan dengan pelajar bahasa yang cemerlang boleh juga didefinisikan berdasarkan ciri-ciri utamanya. Rubin (1975) menyenaraikan tujuh ciri pelajar 'bahasa yang cemerlang' iaitu:

1. Seorang peramal yang sentiasa bersedia dan cekap.
2. Mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari
3. Sanggup belajar daripada kesalahan dalam proses pembelajaran dan berkomunikasi.
4. Sentiasa mencuba pelbagai gaya bahasa.
5. Berlatih bertutur.
6. Mengkaji pertuturan sendiri dan pertuturan orang lain.
7. Menekankan makna permukaan dan dalaman.

Pengkaji strategi pembelajaran bahasa telah mengemukakan pelbagai kriteria strategi berdasarkan kajian mereka. Rubin dan Naiman menggolongkan strategi pembelajaran bahasa kepada empat strategi utama iaitu strategi perancangan aktif, strategi pembelajaran akademik yang eksplisit, strategi pembelajaran sosial dan strategi afektif. Bialystok (1981) mencadangkan empat kategori strategi pembelajaran bahasa kedua iaitu membuat inferens, memantau, latihan formal dan latihan fungsian. Manakala, Park (1997) menggunakan enam strategi pembelajaran bahasa iaitu metakognitif, ganjaran, memori, kognitif, sosial dan efektif.